

Benarkan kerajaan periksa akaun penyeleweng — PM

8 MAR 2002
Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 7 Mac — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sesebuah negara harus dibenarkan memeriksa akaun bank seseorang rakyatnya yang disyaki melakukan penyelewengan seperti yang dilakukan kepada akaun para pengganas.

Menurut Perdana Menteri,

undang-undang perbankan yang membolehkan bank merahsiakan akaun pelanggannya patut dihapuskan supaya aliran wang haram dan hasil penyelewengan di seluruh dunia dapat dihindang.

Mengesan

“Jika kita boleh mengesan wang yang dimiliki oleh pengganas, kenapa kita tidak boleh melakukan perkara yang sama

dengan wang yang dimiliki oleh ahli politik, ahli korporat atau pegawai yang rasuah,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi dialog selepas menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak Ekonomi Asia di Hotel Renaissance di sini, hari ini.

Awal minggu lalu, Dr. Mahathir ketika berada di London menyatakan, Badan Pencegah Ra-

suah (BPR) gagal mendakwa pihak yang disyaki terlibat dengan skandal Perwaja Steel Sdn. Bhd. kerana sebuah bank di Switzerland dan beberapa negara lain enggan bekerjasama dalam siasatan kes tersebut.

Bank-bank itu mengakui terdapat wang dalam beberapa akaun yang disyaki tetapi enggan memberikan kerjasama

■ Lihat muka 4

Benarkan kerajaan periksa akaun penyeleweng — PM

untuk memberi keterangan di mahkamah.

BPR dan kerajaan sebelum ini dikritik kerana gagal menghadapkan pihak yang disyaki ke mahkamah walaupun siasatan berhubung kes penyelewengan di Perwaja telah dijalankan sejak 1996 lagi.

Sementara itu, Perdana Menteri pada majlis hari ini menambah, Kerajaan Malaysia sebagai contoh telah berjaya mengesan wang milik para pengganas walaupun tidak banyak yang telah dilakukan oleh komuniti antarabangsa untuk melupuskan perundangan kerahsiaan bank.

Katanya, komuniti kewangan antarabangsa harus mengharamkan amalan perbankan rahsia itu.

“Dengan cara itu sahaja baru kita dapat

menyekat wang hasil penyelewengan daripada disimpan secara sah di beberapa negara yang kita tahu menjadi lubang bagi wang haram,” ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, para penyimpan tidak sepatutnya menghadkan simpanan mereka di sesebuah negara sahaja kerana ia boleh disimpan dengan selamat di banyak negara.

“Kebanyakan modal yang tidak dilaburkan disimpan di negara-negara Barat kerana dianggap selamat.

“Tetapi sekarang saya rasa wang itu boleh disimpan dengan selamat di banyak negara lain dan (sebagai contoh) saya memberi jaminan bahawa anda juga boleh menyimpan dengan selamat di Malaysia,” ujarnya.